



PRAKTIS

SPM

5



Kertas 1

1. Jadual berikut berkaitan dengan Jawatankuasa Kerja.

BUKU
TEKS
126

Tarikh	Matlamat
25 Julai 1946	X

Apakah X?

- A Menentang Malayan Union
B Mengadakan pilihan raya umum
C Merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu
D Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

2. Antara berikut, yang manakah merupakan wakil Umno yang menganggotai penubuhan Jawatankuasa Kerja?

BUKU
TEKS
127

- I Dato' Onn Jaafar
II Haji Megat Yunus
III Dato' Hamzah Abdullah
IV Haji Mohamad Sheriff Osman
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3. Apakah gabungan yang dibentuk daripada pertubuhan Melayu berikut?

BUKU
TEKS
128

- | | |
|---------|-------------------|
| • API | • AWAS |
| • GERAM | • BATAS |
| • PKMM | • Hizbul Muslimin |

- A MDU
B AMCJA
C PUTERA
D PMFTU

4. Apakah yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis Melayu radikal?

BUKU
TEKS
129

- I Kemerdekaan
II Hak bersuara
III Peningkatan taraf hidup
IV Kebebasan mengumpul harta
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Apakah kandungan Perlembagaan Rakyat 1947?

BUKU
TEKS
130

- I Kewarganegaraan sama rata
II Singapura disatukan dengan Tanah Melayu
III Warganegara Tanah Melayu dinamai Malaysia
IV Warna putih dan hijau sebagai bendera kebangsaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6. Apakah tuntutan yang dikemukakan oleh Raja-raja Melayu?

BUKU
TEKS
132

- I Menolak kehadiran British
II Menuntut kemerdekaan segera
III Menubuhkan persekutuan bertaraf naungan
IV Membuat perjanjian baharu bagi menggantikan Malayan Union
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Mengapakah pentadbir British berikut menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

BUKU
TEKS
133

- | |
|--|
| • Sir Ralph Hone
• Sir Edward Gent
• Malcolm MacDonald |
|--|

- I Mewujudkan keamanan
II Menolak dasar dekolonisasi
III Mengukuhkan kedudukan British
IV Menjamin kemakmuran dan kestabilan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8. Apakah fungsi badan pentadbiran tersebut?

BUKU
TEKS
134

- | |
|--|
| • Majlis Mesyuarat Persekutuan
• Majlis Perundangan Persekutuan |
|--|

- A Menggubal undang-undang
B Membantu Pesuruhjaya Tinggi British
C Menjamin kedudukan dan kuasa Raja Melayu
D Menguruskan hal kewangan dan perdagangan



9. Maklumat berikut tentang syarat kewarganegaraan mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Nama	: Edward
Tarikh lahir	: 11 November 1948
Tempat lahir	: Georgetown, Pulau Pinang

Kewarganegaraan individu di atas dikenali sebagai

- | | |
|-------------------------|------------------------------|
| A Rakyat British | C Rakyat Raja Melayu |
| B Rakyat Dagang | D Rakyat Negeri Barat |



10. Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 memberi kesan berikut?

Persekutuan Tanah Melayu 1948 merintis jalan ke arah perpaduan dan kerjasama kaum.

- A** Menolak prinsip *jus soli*
- B** Melalui penubuhan CLC
- C** Membentuk Majlis Raja-raja
- D** Menubuhkan parti berbilang kaum